



## **APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA**

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Lai Yan Lin (2026). Masyarakat Cina semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu: Memori, catuan makanan dan kelangsungan hidup, 1941–1945. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 415–433.  
<https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.23>

### **MASYARAKAT CINA SEMASA PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU: MEMORI, CATUAN MAKANAN DAN KELANGSUNGAN HIDUP, 1941–1945**

*(Chinese Community during the Japanese Occupation in Malaya:  
A Memory, Food Rationing and Life Survival, 1941-1945)*

<sup>1</sup>Lai Yan Lin

<sup>1</sup>Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia

<sup>1</sup>Corresponding author: [lai\\_yan\\_lin@student.usm.my](mailto:lai_yan_lin@student.usm.my)

Received: 19/02/2026

Revised: 16/04/2026

Accepted: 10/07/2026

Published: 31/07/2026

#### **ABSTRAK**

Makalah ini memerihalkan memori dan naratif masyarakat Cina yang pernah mengalami pengalaman ketika zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Memori ini diperoleh melalui kaedah keterangan lisan. Antara penelitian merangkumi aspek pengalaman sendiri, kehidupan harian dan catuan makanan ketika zaman pendudukan Jepun. Naratif kehidupan masyarakat Cina ketika zaman pendudukan Jepun kurang diberikan perhatian berbanding dengan komuniti lain. Pengalaman informan yang ditemubual akan dijadikan data kajian utama memandangkan ia dapat memberikan dimensi baharu. Wawancara tersebut akan dibuat semak silang dengan dokumen rasmi British. Bukan itu sahaja, isu tahap kesihatan yang dipilih sebagai salah satu fokus kajian turut mengisi kelompongan kajian sejarah mengenai kesihatan terutamanya yang melibatkan masyarakat Cina. Objektif makalah ini adalah untuk mengkaji kesengsaraan hidup masyarakat Cina ketika pendudukan Jepun dan meneliti bagaimana mereka menghadapi keadaan kritikal tersebut. Perbincangan dalam kajian ini berfokus kepada kaedah penyelidikan kepustakaan termasuk fail dari Arkib Negara Malaysia, pejabat kolonial dan sumber sekunder serta wawancara bersama informan terpilih berbangsa Cina. Hasil kajian mendapati bahawa pengalaman penderitaan dan

trauma yang dialami oleh masyarakat Cina ketika zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu adalah aspek penting dalam membentuk naratif pensejarahan di Malaysia.

**Kata kunci:** Pendudukan Jepun, Tanah Melayu, masyarakat Cina, memori, naratif

### **ABSTRACT**

*This article describes the memories and narratives of the Chinese community who experienced the Japanese occupation in Malaya. Oral testimonies gathered those memories. This study also focuses on personal experience, daily life, and food rationing during the Japanese occupation. The narratives of the Chinese community's life during the Japanese occupation received less attention than those of other communities. The main research data will rely on the experiences of the interviewed informants, as they offer a fresh perspective. The facts provided by the interviewees will be cross verified with the official British documents. Not only that, but the issue of health status which was chosen as one of the study's focuses also fills the gap in historical research on health, especially involving the Chinese community. The objective of this paper is to study the misery of the Chinese community during the Japanese occupation and examine how they coped with this critical situation. The discussion in this research focuses on library research methods, including files from the National Archives of Malaysia and Colonial Offices and secondary sources, as well as interviews with selected Chinese informants. The result of the study found that the experiences of suffering and trauma experienced by the Chinese community during the Japanese occupation of Malaya are important aspects in shaping the historical narrative in Malaysia.*

**Keywords:** Japanese occupation, Malaya, Chinese community, memory, narrative.

### **PENGENALAN**

Pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu selama 3 tahun 8 bulan bermula dari tahun 1941 adalah memori terburuk dalam pensejarahan yang tidak boleh dilupakan di dalam memori penduduk Malaysia sehingga kini. Penggunaan slogan seperti “*Asia for the Asiatics*”, “*Co-Prosperity for the Greater East Asia*” (INTELLIGENCE 506/10) dan sebagainya diterapkan di dalam minda penduduk tempatan bagi tujuan mendapatkan sokongan. Tujuan slogan ini digunakan secara meluas adalah untuk menarik sokongan pemimpin tempatan bagi menentang dan menghalau penjajah British dari tanah air ini. Sebelum pendudukan Jepun di Tanah Melayu, aktiviti risikan telah pun dilakukan untuk meninjau dan mengumpulkan maklumat berkaitan dengan negara ini. Pegawai-pegawai tentera Jepun telah menyamar sebagai orang Cina tempatan untuk berniaga dan menetap di Tanah Melayu. Seramai 7000 orang penduduk Jepun telah menetap di Tanah Melayu pada tahun 1932. Kebanyakan mereka bermastautin di kawasan bandar (CO 273/581/2).

Bermula pada 8 Disember 1941, penjajahan yang cukup sengsara dan penuh dengan penderitaan telah dialami oleh penduduk Tanah Melayu tanpa mengira kaum. Masyarakat Cina merupakan antara komuniti yang disasarkan oleh tentera Jepun untuk didera dan dibunuh. Berbeza dengan masyarakat Melayu, penduduk Cina mengalami kehidupan yang lebih sengsara. Hal yang demikian dinyatakan seperti “*At least up to July 1942...the Chinese who suffered most and the Chinese population was deeply hostile towards the occupying forces*” (CO 273/669/1). Bukan itu sahaja, mereka turut melalui pelbagai penderitaan seperti kebuluran, penularan penyakit berjangkit, catuan dan penghasilan bahan makanan, aktiviti pelacuran wanita yang sebagai mangsa pemuas nafsu (Ho, 2009) dan lain-lain. Segala penderitaan

dan kesengsaraan hidup masyarakat Cina terutamanya masih menjadi igauan buruk. Maklumat mengenai perkara tersebut diperoleh ketika sesi temu bual dijalankan untuk memperolehi maklumat yang terperinci. Walaupun kajian sedia ada membincangkan sejarah atau dasar pentadbiran Jepun, namun penelitian yang menggunakan pendekatan sejarah lisan untuk meneliti semula memori masyarakat Cina masih terhad. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompongan yang ada di dalam pensejarahan di Malaysia.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian mengenai pendudukan Jepun di Tanah Melayu merupakan satu tajuk yang sering dilaksanakan berasaskan pelbagai aspek dan perspektif. Memori dan naratif masyarakat Cina terhadap zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu merupakan salah satu kajian yang menarik. Ini kerana ia menggambarkan suasana dan pengalaman sebenar yang pernah berlaku ketika itu. Data-data yang sedia ada boleh dikaitkan dengan karya agung yang telah diterbitkan. Antara naskah yang perlu ditelusuri ialah *The Japanese Occupation of Malaya: A Social and Economic History* (Kratoska, 1998). Kratoska merangkumi kajian yang meliputi aspek politik, sosial dan ekonomi. Beliau membandingkan pemerintahan tentera Jepun terhadap tiga kaum yang berbeza dari sudut politik. Bukan itu sahaja, beliau turut menerangkan sistem catuan makanan yang dilaksanakan di bawah pentadbiran Jepun di Tanah Melayu mahupun Singapura. Kajian mengenai kesukaran dan tahap kesihatan penduduk tempatan turut diambil kira sebagai satu salah bab dalam karya tersebut. Walaupun sarjana tersebut meneliti dasar politik, ekonomi dan sosial, namun beliau kurang memberi perhatian kepada pengalaman individu yang pernah terlibat. Kekurangan ini cuba diisi melalui penggunaan sejarah lisan dalam kajian ini.

Karya Cheah Boon Kheng (1983) dibahagikan kepada dua bahagian yang utama di mana semasa dan selepas zaman pendudukan Jepun di Malaya. Beliau turut membincangkan dan impak sosial dan situasi ekonomi yang berlaku di Tanah Melayu. Peranan *black market* atau pasaran gelap yang menjual barangan atau makanan yang dicatukan ketika itu juga dikemukakan oleh Cheah. Tambahan pula, kajian ini menumpukan kepada penglibatan Parti Komunis Malaya dalam menentang pemerintahan Jepun di mana kebanyakan kajian tidak membincangkan tentang topik ini. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak tertumpu kepada penggunaan kaedah lisan. Justeru itu, kajian ini bermatlamat untuk menggabungkan elemen dan sumber fakta dengan wawancara bagi menghidupkan semula naratif penceritaan sejarah pada zaman tersebut.

Mohammad Isa Othman (1992) juga memberikan tumpuan terhadap zaman pendudukan Jepun. Namun, kajian ini menerangkan secara mendalam terhadap pemerintahan Jepun di negeri Kedah sahaja dan tidak memfokuskan kepada seluruh Tanah Melayu berbanding dengan penulisan pendudukan Jepun yang lain. Penulisan Yoji Akashi dan Yoshimura Mako (2001) membincangkan bagaimana Jepun menyerang dan menaklukkan Malai Baru dan Syonan pada masa itu. Penulis menjelaskan polisi ekonomi yang diperkenalkan oleh Jepun adalah untuk mengaut keuntungan dari segi monopoli beras, perlombongan serta harta-harta yang terdapat di Tanah Melayu. Dimensi yang berbeza turut disumbangkan oleh penulis Jepun terhadap pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Namun, kajian tersebut amat berbeza dengan penelitian ini dari sudut pandangan sosial. Kajian ini tertumpu kepada kelangsungan hidup masyarakat Cina dengan mementingkan penggunaan sumber lisan berbanding dengan Akashi dan Mako yang lebih cenderung kepada sumber arkib tanpa mengaplikasikan kaedah lisan dalam kajian.

T. J. Danaraj (1990) menjelaskan mengenai memori beliau sebagai seorang pegawai kesihatan di Perak ketika zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Beliau menerangkan mengenai wabak penyakit yang merebak ketika itu dan cara kerajaan Jepun menanganinya. Antara penyakit yang dibincangkan termasuk

malaria, tifoid dan penyakit kolera. Bukan itu sahaja, pengkaji turut mengemukakan fakta bahawa tentera Jepun amat risau dengan jangkitan malaria dan bergantung kepada minyak anti malaria bagi mengelakkan penyakit tersebut. Oleh demikian, penulisan ini adalah penting untuk dirujuk apabila mengkaji tahap kesihatan penduduk tempatan ketika zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Naskhah yang bertajuk *Hubungan Melayu-Cina Selepas Pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1945–1955)*, *Konflik dan Kompromi* turut membincangkan mengenai keadaan huru-hara yang dicituskan berikutan pengunduran tentera Jepun. Karya ini memberikan gambaran keseluruhan yang berlaku di Tanah Melayu, sebelum, semasa dan selepas pengunduran tentera Jepun. Fokus utama buku ini ialah terhadap pergolakan yang berlaku selepas tentera Jepun menyerah kalah (Mohamed Ali Haniffa, 2022).

Mohamed Ali Haniffa (2025) dalam artikel yang bertajuk “Rundingan Baling 1955 dan Kesannya ke Atas Usaha Kemerdekaan Tanah Melayu”, membincangkan mengenai anekdot pendudukan tentera Jepun sehingga menimbulkan ketegangan hubungan kaum. Hal yang demikian membawa kepada kemunculan Bintang Tiga dan komunis sehingga pengisytiharan darurat dibuat oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, artikel ini memberikan gambaran kepada usaha yang dilakukan oleh pemimpin pelbagai kaum dalam proses mendapatkan kemerdekaan tanah air (Mohamed Ali Haniffa, 2025).

Daripada perbincangan mengenai sorotan karya yang dikemukakan, jelas menunjukkan bahawa terdapat lompong dalam kajian yang perlu dibuat penelitian lanjutan. Hal yang demikian telah ditelusuri oleh penulis dalam makalah ini.

## **METODOLOGI**

Makalah ini menggunakan metode kualitatif dalam membincangkan beberapa sub topik yang. Pendekatan penyelidikan kepustakaan merangkumi analisis terhadap sumber primer dari Pejabat Kolonial, rekod-rekod Arkib Negara Malaysia dan *Semangat Asia*. Sumber primer yang digunakan bertujuan untuk membuktikan kesahihan fakta sejarah yang berlaku ketika itu. Sumber sekunder pula meliputi buku-buku, artikel dan pelbagai sumber yang berautoriti. Antaranya ialah penulisan Paul H. Kratoska, Cheah Boon Kheng, Ho Hui Ling dan lain-lain sarjana. Seramai empat orang informan terpilih dalam kalangan penduduk Cina yang berusia 85 tahun ke atas dipilih. Wawancara dilaksanakan di lokasi tumpuan di Bidor, Perak. Mereka merupakan saksi proto yang pernah mengalami pengalaman ketika zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu secara langsung. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah sama dan dapatan temu bual dianalisis berdasarkan analisis tematik sebelum dibuat semak silang dengan sumber primer daripada arkib. Kepelbagaian metode yang digunakan dalam artikel ini bertujuan untuk menyediakan satu perspektif yang baharu mengenai pengalaman penduduk Cina ketika zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

## **PENDUDUKAN TENTERA JEPUN DI TANAH MELAYU**

Tragedi pembunuhan dan penganiayaan terhadap orang Cina berlaku secara tidak terkawal ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Punca utama kejadian tersebut adalah disebabkan sokongan dan derma penduduk Cina yang setia terhadap negara China semasa perang China-Jepun untuk menentang Jepun (Ho, 2009). Situasi ini mencetuskan perasaan tidak puas dan kebencian tentera Jepun terhadap orang Cina, Sentimen tersebut dibawa sehingga ke penjajahan Jepun di Tanah Melayu. Hal yang demikian telah dinyatakan dalam “*Memories of War: World War II in Asia*” (Wang, 2000). Wang Gungwu

membincangkan bahawa “...the Chinese who were victims of past wars, and an ongoing one that was brought from China and recast in local terms”.

Pencerobohan tentera Jepun ke atas jajahan British dengan menggunakan basikal yang bermula dari Kota Bharu merupakan titik permulaan zaman pendudukan Jepun yang zalim di Tanah Melayu. Setiap kawasan dan negeri di Tanah Melayu mula dijajah oleh tentera Jepun dengan cara melakukan rampasan, pembunuhan dan penderaan. Tujuannya ialah agar semua penduduk tempatan akur dengan arahan tentera Jepun. Keupayaan dan kelebihan tentera Taiwan yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin digunakan secara optimum. Mereka turut dibawa masuk ke Tanah Melayu. Tugasan mereka adalah untuk membantu tentera Jepun dalam hal ehwal pentadbiran (Akashi, 1970).

Gadis atau wanita yang muda dan cantik merupakan sasaran utama tentera Jepun. Mereka akan ditangkap jika ditemui di mana-mana tempat (Chin, 1946). Tentera Jepun mengelarkan perempuan yang muda dan cantik tersebut sebagai “Gu Niang”. Pada kebiasaannya mereka akan dirogol apabila berjaya ditangkap (Wawancara bersama Kam Mooi, 15 Jun 2023). Gadis-gadis tersebut juga akan diseksa terlebih dahulu sebelum dijadikan sebagai Ianfu. Mereka akan dijadikan sebagai petugas khas untuk berkhidmat dengan tentera Jepun (Yeo & Ng, 2000). Bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini, gadis-gadis Cina akan berpakaian seakan lelaki. Mereka juga akan menggunting rambut menjadi pendek bagi melindungi diri sendiri daripada ditangkap dan dicabuli oleh tentera Jepun (Wawancara bersama Chiew See, 17 Jun 2023). Nyawa dan keselamatan gadis Cina juga sentiasa terancam. Pakaian wanita dan gadis Cina juga tidak akan disidai di luar perkarangan rumah. Ini adalah bagi mengelakkan daripada tentera Jepun mengetahui keberadaan wanita dan gadis Cina (Wawancara bersama Heng Yew Heok, 29 Jun 2023).

Bagi menyelamatkan nyawa, kod isyarat turut dicipta oleh orang Cina ketika zaman pendudukan Jepun. Ini bertujuan untuk melindungi gadis muda dan juga ternakan. Penggunaan isyarat seperti “gagak sedang datang” yang merujuk kepada kedatangan tentera Jepun ke kawasan tersebut memainkan peranan penting untuk memberi amaran kepada mereka (Wawancara bersama Heng Yew Heok, 29 Jun 2023). Gadis Cina akan lari balik untuk mencari perlindungan ke rumah masing-masing apabila mendengar isyarat tersebut. Mereka akan segera menutup semua pintu dan tingkap secara rapat bagi melindungi diri (Wawancara bersama Heng Yew Heok, 29 Jun 2023). Berbeza pula bagi melindungi haiwan ternakan golongan wanita dan lelaki Cina akan berbunyi seakan-akan gagak. Tujuannya ialah untuk mengejutkan binatang ternakan seperti ayam supaya tidak ditangkap oleh tentera Jepun.

Selain daripada perempuan muda, penduduk tempatan khususnya orang Cina yang mengingkari arahan turut menjadi sasaran tentera Jepun. Antara golongan orang Cina yang sering kali menjadi sasaran ialah anggota *Malayan Peoples' Anti-Japanese Army* (MPAJA), Kuomintang (KMT), anggota kongsi gelap Cina, penduduk Cina yang bersifat pro-British dan juga persatuan Cina yang anti Jepun iaitu *China Relief Fund Committee* (Cheah, 1983). Penangkapan orang Cina yang menjadi sasaran akan dilakukan oleh tentera Jepun selepas pemeriksaan identiti penduduk tempatan (Wawancara bersama Chiew See, 17 Jun 2023). Tujuan pemeriksaan tersebut ialah untuk memastikan keseluruhan anggota MPAJA ditangkap. Ini secara tidak langsungnya akan menghalang penentangan terhadap tentera Jepun. Hal yang demikian dinyatakan oleh Chiew See yang merupakan seorang saksi ketika zaman pendudukan Jepun. Beliau menyatakan bahawa anggota MPAJA giat aktif di kawasan Bidor dan operasi *Sook Ching* pernah berlaku di lokasi tersebut. Pembunuhan orang Cina secara besar-besaran telah menakutkan penduduk tempatan yang lain. Oleh yang demikian, mereka terpaksa akur dengan segala arahan yang diberikan.

Penduduk tempatan yang bernasib malang akan ditangkap oleh tentera Jepun. Mereka akan dihimpunkan di kawasan lombong bijih timah di sekitar Tapah, Perak. Pada kebiasaannya mereka akan ditembak

dengan menggunakan senapang. Mereka akan diarahkan untuk berkumpul ke arah belakang kawasan lombong bijih timah (Wawancara bersama Chiew See, 17 Jun 2023). Penduduk tempatan berbangsa Cina juga tidak mempunyai sebarang peluang untuk menentang tentera Jepun kerana tangan mereka diikat. Kejadian pembunuhan dan mangsa yang dihukum mati pada masa itu telah mengalami satu fenomena yang amat sengsara. Ini menjadikan kawasan sekeliling lombong di Tapah ditimbuni mayat. Mayat orang Cina yang menjadi mangsa pembunuhan hanya akan dibiarkan di kawasan lombong. Penduduk tempatan tidak berani untuk menguruskan mayat ahli keluarga atau saudara-mara yang ditembak mati oleh tentera Jepun (Wawancara bersama Kam Mooi, 15 Jun 2023). Hal yang demikian menyebabkan penduduk tempatan tidak berani untuk meninggalkan kawasan rumah mereka. Ini bagi mengelakkan mereka ditangkap oleh tentera Jepun.

Kezaliman tentera Jepun ke atas penduduk tempatan turut termasuk pembunuhan bayi dan kanak-kanak. Pembunuhan ini dilakukan dengan cara yang tidak berperikemanusiaan. Bayi akan dibaling ke arah atas (Wawancara bersama Kam Mooi, 15 Jun 2023) dan kemudian dicucuk dengan bayonet oleh tentera Jepun (Lee, 2025). Bukan itu sahaja, kepala mangsa terutamanya orang Cina akan dipancung oleh tentera Jepun sekiranya mereka dilabelkan sebagai anti-Jepun dan mengingkari arahan Jepun (Wawancara bersama Chiew See, 17 Jun 2023). Kepala mangsa akan dipamerkan dan digantung di kawasan terbuka sebagai tanda amaran kepada penduduk Cina. Tujuannya ialah untuk menimbulkan ketakutan dalam kalangan penduduk Cina dan menyokong pemerintahan Jepun di Tanah Melayu (Ho, 2009).

Operasi *Sook Ching* telah dijalankan secara besar-besaran di Tanah Melayu pada awal Mac 1942 di Singapura (Ho, 2009). Penduduk Cina merupakan mangsa dan sasaran utama untuk dijalankan “pembersihan” oleh tentera Jepun. Sepanjang tempoh operasi tersebut, penganiayaan terhadap golongan bayi dan dewasa telah meninggalkan penderaan mental dan fizikal kepada mereka yang terselamat daripada tentera Jepun. Sehingga kini, kebanyakan mangsa yang pernah mengalami trauma ketika zaman pendudukan Jepun masih tidak melupakan detik tersebut. Mereka sukar untuk melupakan segala pengalaman dan memori ngeri perbuatan tentera Jepun ke atas mereka. Oleh yang demikian, perasaan benci dan anti-Jepun masih membuak dalam kalangan segelintir penduduk Cina yang pernah merasai pengalaman ketika melalui tempoh zaman tersebut (Wawancara bersama Heng Yew Heok, 29 Jun 2023).

## MAKANAN

Makanan atau bahan mentah seperti beras, gula, tepung dan lain-lain diimport dari negara Siam dan Burma bagi menampung keperluan harian penduduk tempatan sebelum pendudukan Jepun. Namun, permintaan beras yang semakin bertambah telah menyebabkan kekurangan bekalan beras berlaku di Tanah Melayu. Ini menunjukkan bahawa peratusan beras yang dihasilkan hanya sekitar 33% sahaja (INTELLIGENCE 506/30). Hal ini membuktikan bahawa jumlah penghasilan beras yang begitu terhad tidak mampu menampung keseluruhan keperluan jumlah penduduk. Ini menyebabkan beras terpaksa diimport dari negara jiran seperti Siam. Berdasarkan data yang terkandung dalam *Appreciation of the Economic Position of Malaya under the Japanese*, jumlah pengimportan beras dari Siam adalah sebanyak 53,822,000 nilai berbanding dengan jumlah gula yang diimport dari British, N.E.I dan Hong Kong yang sebanyak 9,829,000 nilai sahaja.

Kenyataan *Domei* pada 28 Januari 1944 menyatakan bahawa penghasilan beras ketika kedatangan Jepun di Malai Baru telah menurun dari 600,000 tan setahun kepada 180,000 tan sahaja (CO 273/673/1). Perbezaan angka penghasilan beras wujud apabila laporan risikan diterima daripada *British Military Administration* (BMA) tidak setepat seperti yang dilaporkan oleh *Domei*. BMA mendakwa bahawa angka

sebenarnya penghasilan beras hanya sekitar 570,000 tan sahaja iaitu berkurangan 3,000 tan berbanding dengan jumlah yang dinyatakan oleh *Domei*. Persoalan yang nyata telah dikemukakan di antara laporan risikan masing-masing berkaitan dengan jumlah penghasilan beras yang betul dan tepat. Bukan itu sahaja, pihak British turut mengemukakan jumlah beras yang dibeli oleh penduduk tempatan hanya sekitar tiga atau empat kati sebulan sahaja (INTELLIGENCE 506/30). Hal ini menunjukkan bahawa layanan tentera Jepun terhadap penduduk tempatan adalah kejam dan mengehadkan berbanding dengan pemerintahan British di Tanah Melayu.

Sumber makanan sukar diperoleh oleh penduduk Tanah Melayu ketika zaman pendudukan Jepun. Mereka dikenakan pelbagai peraturan dan syarat untuk mendapatkan bahan makanan. Oleh yang demikian, tahap kesihatan penduduk tempatan turut terjejas apabila bekalan makanan dicatu oleh tentera Jepun. Ubi kayu merupakan sumber makanan utama bagi menggantikan beras. Kebanyakan penduduk tempatan hanya mampu untuk makan ubi kayu dan menganggap sumber tersebut adalah lumayan ketika itu. Kekurangan bahan makanan telah menjadikan salah satu masalah yang utama ketika zaman penjajahan Jepun. Kempen yang dinamakan sebagai “*Grow more food*” dilancarkan. Ini adalah bagi menggalakkan penduduk tempatan untuk menanam bahan makanan seperti sayur-sayuran dan beras bagi keperluan harian masing-masing (Cheah, 1983). Antara sayur-sayuran yang ditanam adalah seperti kubis, terung, timun, keledek, ubi kayu, jagung, kacang dan bayam (INTELLIGENCE 506/30). Walau bagaimanapun, bukan semua penduduk tempatan yang mampu untuk menanam tanaman makanan yang disyorkan. Keruncingan ekonomi yang melanda ketika itu menyebabkan penduduk tempatan mengalami kekurangan wang untuk menyertai program yang diseru tersebut (Wawancara bersama Khong Fook Yin, 17 Jun 2023).

Selain daripada sayur-sayuran, sumber makanan penduduk tempatan terdiri daripada ikan air tawar seperti haruan yang ditangkap dari kawasan lombong bijih timah. Mereka juga mendapatkan sumber makanan seperti pisang dan umbut (Wawancara bersama Heng Yew Heok, 29 Jun 2023). Ikan air tawar yang ditangkap akan digoreng sebelum dijamu oleh seluruh ahli keluarga pada zaman pendudukan Jepun. Pelbagai “produk ladang” turut dihasilkan untuk menampung keperluan makanan harian (Wawancara bersama Chiew See, 17 Jun 2023). Antaranya ialah kuih-muih yang diperbuat daripada ubi kayu dan pau sayur. Cara perbuatan turut dibekalkan oleh informan iaitu menyagat ubi kayu yang telah dijemur kering sehingga menjadi serbuk. Serbuk ini merupakan sumber utama untuk menghasilkan kuih-muih. Manakala pau sayur diperbuat daripada sengkang yang ditanam di ladang (Wawancara bersama Heng Yew Heok, 29 Jun 2023). Hasil pertanian tersebut berjaya menyelamatkan mereka daripada kebuluran ketika masalah kekurangan beras berlaku semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Kekurangan bekalan makanan yang berlaku di Tanah Melayu mewujudkan pasaran gelap atau lebih dikenali sebagai “*black market*”. Penduduk tempatan boleh memperoleh bekalan makanan dengan satu harga yang ditetapkan (Cheah, 1983). Antara sumber makanan yang dijual termasuk beras, gula, garam, tepung, sabun dan lain-lain. Sebagai contohnya, harga beras yang tinggi dijual di pasaran gelap sebanyak \$50 pada masa dahulu. Kekurangan bekalan beras yang berterusan menyebabkan harga beras meningkat kepada \$100 hingga \$150 satu beg (CO 273/669/1). Penduduk tempatan yang memerlukan bekalan beras terpaksa membeli dengan harga yang tinggi di pasaran tersebut tanpa sekatan. Namun begitu, perniagaan ketika zaman pendudukan Jepun diusahakan oleh peniaga Jepun yang menggantikan peniaga tempatan. Peniaga-peniaga tersebut turut membentuk satu sindiket perniagaan yang dinamakan *kumiai* (Cheah, 1983). *Kumiai* digambarkan sebagai satu kumpulan perniagaan yang dilindungi oleh kerajaan Jepun yang menyebabkan berlakunya kekurangan makanan di Tanah Melayu:

*Every kumiai was nothing but a monopoly to fleece the public. As soon as a kumiai for any particular commodity was formed, that commodity soon disappeared from the markets and became difficult to get (Chin, 1946).*

Barangan utama seperti beras dan gula turut dikawal oleh syarikat Jepun ketika itu. Komoditi tersebut dimonopoli oleh syarikat Jepun dan menyebabkan berlakunya masalah kekurangan bekalan. Hal ini menyebabkan harga barangan harian meningkat dan sukar dibeli pada masa itu. Harga yang tinggi mengakibatkan ketidakmampuan penduduk tempatan untuk membeli bekalan beras yang mahal. Hal ini dapat dibuktikan bahawa:

*“...Mitsui and Mitshubishi monopolized several principal industries, driving the Chinese out of business. The rice monopoly, for example went to Mitshubishi and the sugar and salt monopolises to Mitsui” (Cheah, 1983).*

Secara tidak langsung, catuan bahan makanan dilaksanakan oleh pentadbiran tentera Jepun. Ini adalah bagi mengatasi masalah kekurangan makanan yang berterusan. Mereka mula mengehadkan jumlah pembelian barangan utama oleh setiap keluarga. Tindakan tersebut tidak mampu menampung bekalan makanan harian untuk semua anggota keluarga. Ramai dalam kalangan penduduk yang terpaksa makan bubur sehari sekali sahaja (CO 273/673/1).

#### **PENGHASILAN BEKALAN BERAS DI TANAH MELAYU**

Beras merupakan makanan utama kepada orang Asia dan akan dijadikan sebagai hidangan harian. Perkataan “*self-sufficiency*” sering disebut oleh kerajaan Jepun untuk menyeru penduduk tempatan hidup secara sara diri. Seperti yang dibincangkan dalam makalah yang berjudul *Selangor and Perak in 1942* (皇紀 2602): *Japan’s Occupation of Malaya Begins*:

*Early in 1942 the Japanese announced a plan to make Malaya self-sufficient in rice production within three years by increasing the area planted with rice. Forestland was to be cleared, rubber less than three years old cut, and land bordering roads opened to cultivation (Kratoska, 2015).*

Kekurangan makanan utama seperti beras di Tanah Melayu mengakibatkan penduduk tempatan terpaksa menanam sayur-sayuran dan beras sebagai makanan harian. Pada masa tersebut, di seluruh Tanah Melayu hanya mempunyai sebanyak 764,300 ekar kawasan penanaman padi sahaja untuk diusahakan sebelum kedatangan tentera Jepun (INTELLIGENCE 506/10). Oleh yang demikian, kerajaan Jepun mengambil keputusan untuk menebang pokok getah yang kurang dari tiga tahun dan pembukaan hutan yang luas bagi tujuan penanaman padi.

Kerajaan Jepun sering menyatakan bahawa “*Let us all go to farming. In a year’s time, we shall be self-sufficient*” (CO 273/673/1). Memang tidak boleh dinafikan bahawa seruan dari pihak kerajaan Jepun telah meningkatkan hasil pertanian di Tanah Melayu. Namun, kenyataan ini bukanlah satu keputusan yang dapat membuktikan kerjasama antara penduduk tempatan dengan kerajaan Jepun. Sebaliknya, penduduk tempatan berbuat demikian adalah untuk mendapatkan sumber makanan yang mencukupi. Tambahan pula, Tanah Melayu hanya boleh menyokong jumlah penghasilan beras sebanyak satu per tiga sahaja berbanding dengan negara Siam dan Burma. Tanah Melayu amat bergantung kepada pengimportan beras dari luar negara bagi menampung keperluan makanan penduduk tempatan. Teknologi pengangkutan yang

kurang maju menyebabkan aktiviti mengimport menjadi lambat. Secara tidak langsung, masalah penghantaran beras merupakan salah satu sebab kekurangan bekalan beras di Tanah Melayu semasa zaman pendudukan tentera Jepun.

Pelbagai jenis benih padi dibawa masuk ke Tanah Melayu untuk ditanam. Benih-benih ini dibawa dari *Nippon, Djawa, Taiwan* dan tempat-tempat lain (Semangat Asia, 2603). Penghasilan padi tidak lagi memandai bagi tempoh setahun sekali sahaja. Inisiatif dilaksanakan supaya padi dapat dituai dalam tempoh dua kali setahun di bawah pemerintahan Jepun. Penggunaan benih dari luar negara berjaya meningkatkan hasil padi dari 500 ratus gantang kepada 1000 gantang. Walau bagaimanapun, percubaan penggunaan benih Taiwan di Perlis dikatakan kurang memuaskan apabila padi diserang serangga makhluk perosak (Kratoska, 1998). Bukan itu sahaja, hasil penanaman turut dilaporkan turun dari 338 gantang kepada 103 gantang sahaja. Keadaan yang teruk ini turut berterusan di Larut apabila benih tidak dapat ditanam disebabkan kedalaman air di kawasan sawah padi tersebut. Pendek kata, polisi Jepun yang berusaha meningkatkan jumlah penghasilan beras masih tidak dapat diselesaikan walaupun pelbagai pendekatan diambil. Oleh demikian, kekurangan beras yang berlaku ketika zaman pendudukan Jepun membawa kepada pelbagai penyakit kepada penduduk tempatan yang sering mengalami masalah kebuluran.

Pentadbiran antara British dengan Jepun dapat dibuat perbandingan dari segi penghasilan bekalan beras di Tanah Melayu. British membuka peluang pekerjaan kepada petani atau penduduk tempatan yang ingin mengusahakan sawah padi. Kerajaan British turut menawarkan pendekatan seperti “Advances may be given, free of interest, up to a week’s purchase of physical padi on vouchers submitted and certified by the local Food Controller or the Officer authorised by the Controller of Supplies” (Wan Nurjanatul Za’imah et al., 2024). Pentadbiran Jepun pula menyeru penduduk tempatan untuk menjalankan pertanian sara diri bagi menampung keperluan bekalan makanan masing-masing. Sebagai contohnya, penduduk Cina dan India digalakkan untuk menanam padi serta diberikan geran tanah sementara kepada penduduk bukan Melayu (Kratoska, 2015). Tambahan pula, pertandingan “rice-growing” turut diadakan di Perak untuk menggalakkan petani menghasilkan jumlah beras yang banyak. Ganjaran yang lumayan turut diberikan kepada pemenang. Johan akan mendapat sebanyak 300 Yen manakala tempat kedua akan diberikan 100 Yen dan 50 Yen bagi tempat ketiga (CO 273/673/1).

Kemerosotan penghasilan beras berlaku dengan ketara ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Jumlah penghasilannya pada tahun 1939/40 adalah sebanyak 335,000 tan telah menyusut kepada 227,000 tan sahaja pada tahun 1945/46 (Kratoska, 1998). Produktiviti beras di Tanah Melayu juga menunjukkan kadar yang rendah dalam penanaman padi. Berikut merupakan jadual pengeluaran bekalan beras di negeri Perak.

#### **Jadual 1**

##### *Average Rice Productivity for Perak*

|         | Productivity (tons/acre) |
|---------|--------------------------|
| 1938-9  | 0.707                    |
| 1939-40 | 0.643                    |
| 1940-1  | 0.412                    |
| 1941-2  | 0.484                    |
| 1942-3  | 0.468                    |

*Sumber: Kratoska, P.H. (1998). The Japanese occupation of Malaya: A Social and economic history. University of Hawaii Press.*

Kadar produktiviti beras mececah jumlah yang paling rendah ketika kemaraan Jepun di Tanah Melayu. Penurunan produktiviti beras ini membuktikan bahawa dasar sara diri yang diinginkan adalah gagal mencapai matlamat seperti yang dirancang. Bukan itu sahaja, jumlah keseluruhan penghasilan beras bagi Tanah Melayu pada tahun 1943 hanya mempunyai 320,695 ton sahaja (rujuk jadual 4) berbanding dengan 331,315 ton (rujuk jadual 3) pada tahun 1940. Perbezaan ini amat merisaukan dan jumlah ini masih belum mencapai tahap “*self-sufficiency*” yang Jepun sahutkan. Dengan kata lain, angka penghasilan beras semasa pentadbiran Jepun adalah rendah sekali berbanding dengan tahun 1930 (rujuk jadual 2) dan 1940 sebagai rujukan data. Jadual-jadual yang dipaparkan amatlah nyata terutamanya tempoh sebelum dan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Jelas bahawa, tanah dan jumlah penghasilan adalah semakin merosot dari semasa ke semasa.

### CATUAN MAKANAN

Kerajaan Jepun mengambil keputusan untuk mengikut jejak langkah British yang pernah mengenakan catuan makanan di Tanah Melayu (CO 273/673/1). Tujuannya adalah untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan yang semakin serius dan sumber tersebut dapat diagihkan kepada semua penduduk tempatan.

Antara catuan makanan yang dikenakan termasuk beras, gula, tepung, garam, susu, sayur-sayuran, roti dan sebagainya (CO 273/669/9). Kad Catuan Makanan turut diagihkan kepada penduduk tempatan yang berdaftar supaya sumber makanan dapat dikawal. Kad ini juga merekodkan maklumat setiap penduduk tempatan dengan terperinci. Antaranya ialah seperti nama, tempat kediaman, bilangan ahli keluarga dan butiran lain. Setiap orang hanya dibenarkan membeli sebanyak lima kati beras sahaja untuk tempoh seminggu (Kratoska, 1998). Segala komoditi utama yang diperlukan juga telah ditetapkan oleh pentadbiran tentera Jepun.

Kegiatan catuan makanan berlaku di setiap lokasi di Tanah Melayu. Hanya penduduk tempatan yang berjaya mendaftarkan diri di bawah kerajaan Jepun sahaja yang layak mendapatkan sumber makanan seperti beras dan gula (Wawancara bersama Chiew See, 17 Jun 2023). Tujuannya adalah untuk memastikan bekalan makanan utama tersebut dapat diagihkan secara sama rata kepada setiap penduduk. Setiap pengambilan beras, gula dan minyak akan direkodkan di dalam Kad Catuan Makanan yang berbentuk buku (Wawancara bersama Khong Fook Yin, 17 Jun 2023). Penduduk tempatan kebiasaannya akan menjual gula kepada kedai kopitiam untuk menukar kepada mata wang (Wawancara bersama Chiew See, 17 Jun 2023). Mereka menukar barangan yang tidak diperlukan dengan peniaga agar mendapatkan duit sampingan. Menurut informan seperti Chiew See, gula merupakan sumber yang diperlukan di kedai makan sahaja. Keluarga biasa seperti beliau tidak memerlukan sumber tersebut. Oleh itu, penjualan gula kepada peniaga adalah satu saluran yang berkesan untuk mendapatkan duit pokok pisang.


Tanah Melayu pernah mengalami masalah kekurangan beras pada tahun 1919 hingga 1921 di mana *Food Control Committee* ditubuhkan pada tahun 1917 untuk mengawal pengagihan beras (CO 273/669/1). *Food Control Office* yang didirikan kemudian mengambilalih tanggungjawab *Rice Distribution Guilds* untuk mengawal sistem catuan beras yang dikenakan pada Mac 1942 (Kratoska, 1998). Pada permulaannya, sumber makanan yang dicatu adalah cukup untuk menampung keperluan seluruh penduduk tempatan. Golongan lelaki layak mendapat bekalan beras sebanyak empat gantang. Manakala sebanyak tiga gantang kepada golongan wanita dan dua gantang kepada kanak-kanak (CO 273/673/1). Bukan itu sahaja, penduduk tempatan juga memperoleh dua kati gula, susu, garam, tepung dan minyak sekiranya mereka mempunyai sijil pendaftaran yang rasmi di bawah pentadbiran tentera Jepun. Namun begitu, penyimpanan

stok komoditi ini menjadi kurang selepas enam bulan kemudiannya. Pihak Jepun terpaksa mengurangkan pembahagian beras kepada satu gantang sahaja kepada golongan lelaki.

Kekurangan beras dan catuan yang semakin meruncingkan mengakibatkan penduduk tempatan bercucuk tanah bagi mendapat hasil tanaman. Tambahan pula, harga beras yang dicatu ditetapkan pada harga sebanyak 7 Dollar setiap kati pada Mac 1942 (Kratoska, 1988). Harga ini kemudian meningkat sehingga \$500 bagi satu pek beras sahaja di Singapura (CO 273/673/2). Peningkatan harga beras ketika zaman tersebut menyebabkan kebanyakan penduduk tidak mampu membeli beras. Situasi ini digambarkan dalam satu poster dengan menyatakan “...since the coming of Japanese, food and clothes are no longer plentiful nor cheap, as in the old happy days” (CO 825/45, Part 9). Oleh yang demikian, pelbagai tanaman lain diusahakan bagi mengatasi kebuluran dalam kalangan anggota keluarga. Biji benih tanaman akan dibeli dahulu sebelum kerja-kerja tersebut dilakukan. Biasanya, peniaga kaum Melayu akan menjual biji-biji benih tersebut kepada golongan masyarakat (Wawancara bersama Kam Mooi, 15 Jun 2023). Penduduk tempatan terutamanya orang Cina akan menanam ubi kayu dan ubi keledak. Mereka akan memasak dengan menggunakan pelbagai jenis hasil tanaman yang sedia ada. Antara makanan yang dihidangkan adalah seperti ubi keledak, kuih ubi dan bubur nasi (Wawancara bersama Chiew See, 17 Jun 2023) dan lain-lain.

### Gambar 1

*Poster Seruan Tidak Menyokong Dasar Jepun.*



*Sumber: CO 825/45, Part 9 Propaganda in Far East: Distribution of Malayan Leaflets.*

Terdapat pelbagai versi dapatan apabila sesi wawancara dijalankan bersama beberapa orang informan berbangsa Cina. Mereka bersetuju dengan kenyataan catuan makanan yang dikenakan oleh kerajaan Jepun ketika itu ialah untuk mengawal sumber makanan. Namun, terdapat informan berkongsi pengalaman mereka yang pernah menerima beras percuma daripada tentera Jepun semasa mereka masih kecil. Terdapat juga informan yang menyatakan bahawa tentera Jepun hanya akan mengagihkan bekalan makanan seperti beras, ikan dan daging kepada kanak-kanak sahaja dan mengenakan bayaran. Oleh yang demikian, pengagihan makanan pada zaman pendudukan Jepun adalah unik dan berbeza mengikut corak pentadbiran di setiap kawasan. Jelas bahawa, layanan tentera Jepun terhadap *kodomo* iaitu kanak-kanak adalah baik berbanding dengan golongan dewasa (Wawancara bersama Heng Yew Heok, 29 Jun 2023).

Selain daripada itu, informan yang menetap di kawasan Tapah, Perak menyimpulkan bahawa sumber makanan diagihkan secara percuma kepada penduduk sekitar (Wawancara bersama Chiew See, 17 Jun 2023). Tentera Jepun tidak mengenakan sebarang bayaran ke atas penduduk tempatan. Situasi yang sama turut berlaku di kawasan Bidor apabila tentera Jepun menyerah diri (Wawancara bersama Leow Tong Choy, 17 Jun 2023). Bekalan makanan percuma didapati ketika tentera Jepun berhimpun untuk berundur diri dari Tanah Melayu di Kampong Poh. Oleh yang demikian, pengagihan bekalan makanan yang percuma atau berbayar adalah berasaskan dasar pentadbiran dan layanan tentera Jepun terhadap penduduk tempatan di kawasan tersebut.

### **KESAN CATUAN MAKANAN**

Catuan makanan yang dilaksanakan ketika zaman pendudukan Jepun telah meninggalkan pelbagai kesan negatif kepada penduduk tempatan. Antaranya ialah kebuluran dan ketidakseimbangan khasiat. Kedua-dua kesan ini sering dialami oleh penduduk disebabkan sumber makanan yang terhad pada masa tersebut. Segala tumbuh-tumbuhan liar seperti cendawan yang tidak mempunyai toksik turut dimakan dan dimasak oleh penduduk bagi mengatasi kelaparan (Wawancara bersama Chiew See, 17 Jun 2023). Lebih penting lagi, catuan bahan makanan yang dialami turut meninggalkan memori dan trauma yang masih diingati oleh informan sehingga hari ini. Bukan itu sahaja, penyakit berjangkit seperti malaria, beri-beri, disentri dan lain-lain turut berlaku dan menyebabkan sebilangan penduduk tempatan terkorban (Kratoska, 1998). Dengan demikian, subtopik mengenai kesan catuan makanan akan dibincangkan secara terperinci dalam makalah ini.

### **PENYEBARAN PENYAKIT BERJANGKIT**

Kekurangan makanan pada zaman Jepun menyebabkan penyebaran penyakit berjangkit yang semakin berleluasa. Seperti yang dilaporkan dalam fail pejabat kolonial "*In general, Malaysians had come to understand that Japanese Occupation meant ruin, desolation, death, poverty, famine, unemployment, the return of Malaria...*" (CO 273/669/1). Hal ini membuktikan bahawa kesihatan awam tidak diambil berat oleh kerajaan Jepun. Mereka hanya mahu menjayakan matlamat imperialisme sahaja. Pelbagai penyakit berjangkit seperti malaria, pneumonia, disentri, ulser dan cirit-birit telah dihidapi oleh pekerja-pekerja di sebuah estet yang terletak di Kelantan (Kratoska, 1998). Malangnya, berlaku juga kekurangan ubat-ubatan bagi merawat penyakit ini tersebut. Kebanyakan bekalan ubat-ubatan yang diperlukan telah ditahan oleh kerajaan Jepun. Ubat ini tidak diizinkan untuk digunakan bagi tujuan merawat penduduk tempatan tanpa

sebarang kebenaran (Kratoska, 1998). Hal ini dapat dijelaskan melalui kes hospital di Pulau Pinang. British mendapati bahawa bekalan ubatan adalah lengkap dan mencukupi bagi tempoh setahun tetapi ditahan oleh pentadbiran tentera Jepun supaya khalayak tempatan tidak berpeluang untuk menerima rawatan tersebut (Kratoska, 1998).

Institusi seperti Nittai Igaku Kenkyusho (Tropical Medicine Research Kuala Lumpur) yang ditubuhkan pada 1900 turut berfungsi ketika zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu (Abdul Majid, 2021). Institusi ini dibuka semula oleh Jepun walaupun banyak peralatan perubatan telah diambil balik oleh British. Fungsi institusi ini adalah untuk mengkaji penyakit malaria dan cara untuk mengatasi penyakit tersebut oleh pihak Jepun (CO 273/669/1). Bukan itu sahaja, hospital telah dibina sejak zaman penjajahan British lagi namun, kemudahan tersebut tidak dimanfaatkan kepada penduduk tempatan di bawah pentadbiran Jepun. Hospital hanya berfungsi sebagai hub pengurusan mayat sahaja. Pada kebiasaannya, pesakit yang dihantar ke hospital akan meninggal dunia kemudiannya atas sebab kekurangan bekalan ubat-ubatan. Oleh yang demikian, demikian, imuniti sendiri yang kuat adalah penting pada zaman tersebut supaya dapat melindungi diri daripada wabak penyakit yang boleh membawa maut (Wawancara bersama Chiew See, 17 Jun 2023).

Selain daripada penyakit berjangkit, kekurangan zat makanan yang berlaku turut mengorbankan ramai penduduk tempatan. Kekurangan sumber makanan yang berterusan di Tanah Melayu menyebabkan kebuluran yang serius dalam kalangan masyarakat. Mereka yang sering mengalami kelaparan kemudiannya akan menghadapi kekurangan khasiat. Tambahan pula, penyakit seperti beri-beri turut memberikan kesan kepada penduduk tempatan yang diklasifikasikan sebagai kekurangan zat makanan (Kratoska, 1998). Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak mempunyai imuniti badan yang kuat untuk melawan penyakit berjangkit. Hal yang demikian menyebabkan ramai penduduk tempatan meninggal dunia ketika itu disebabkan penyakit yang berjangkit atau kekurangan zat makanan. Berikut merupakan data yang menunjukkan jumlah kematian penduduk tempatan sepanjang zaman pendudukan Jepun.

#### **Jadual 5**

##### *Deaths Recorded in the Malay States*

| <b>Year</b> | <b>1942</b> | <b>1943</b> | <b>1944</b> | <b>1945</b> |
|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| Total       | 99,257      | 123, 282    | 146,476     | 110,112     |

*Sumber: Kratoska, P.H. (1998). The Japanese occupation of Malaya: A Social and economic history. University of Hawaii Press.*

### **MALARIA**

Penularan penyakit malaria telah mencapai ke satu tahap kemuncak pada tahun 1944 yang hampir meliputi seluruh Tanah Melayu. Kadar kematian yang tinggi dicatatkan pada tahun yang sama dalam kalangan penduduk tempatan berbanding dengan tentera Jepun. Hal ini demikian kerana tentera Jepun takut dengan penyebaran malaria dan menggunakan kelambu serta krim anti-nyamuk bagi mengelakkan penyakit ini (Danaraj, 1990; Kratoska, 1998). Bukan itu sahaja, tentera Jepun akan diberikan keutamaan apabila dihidapi penyakit dan memperoleh ubat penawar melalui pasukan tentera Jepun. Layanan terhadap penduduk tempatan dan tentera Jepun adalah berbeza dan tidak adil dari segi perubatan. Oleh demikian, nyawa penduduk tempatan tidak diambil peduli oleh pentadbiran Jepun.

Penularan penyakit malaria secara berleluasa di Tanah Melayu dan Singapura telah membawa kepada kadar kematian yang tinggi (CO 537/2176). Sejumlah 1,891 orang meninggal dunia pada tahun 1944 di Singapura disebabkan penyakit malaria (Kratoska, 1998). Punca utama yang menyebabkan penduduk tempatan terkorban adalah kekurangan ubat seperti *Mepacrine* dan *kuinina* (M.G. DIVISION GENERAL GEN/51). Kedua-dua ubat ini dapat digunakan untuk merawat malaria ketika itu. Namun, ubat-ubatan ini tidak dibekalkan secara percuma dan sebaliknya perlu dibeli oleh penduduk tempatan. Bagi mendapatkan ubat ini perlulah memenuhi syarat seperti mempunyai surat kebenaran doktor dan rekod jumlah penjualan dan penggunaan. Di Singapura, *kuinina* yang murah dijual kepada semua golongan masyarakat yang memerlukan dengan harga sebanyak lima sen sahaja (CO 273/669/1). Tindakan ini mampu menyelamatkan nyawa pesakit dan sebagai salah satu cara anti-malaria.

Kekurangan ubat *Mepacrine* dan *kuinina* di hospital mendorong golongan atasan untuk membeli ubat tersebut melalui pasaran gelap. Harga penjualan *kuinina sulfat* di Kuala Lumpur adalah sebanyak \$500 setiap paun manakala harga bagi *quinine bi-hydrochloride* adalah \$900 setiap paun (Kratoska, 1998). Kewujudan pasaran gelap ketika zaman itu bukan sahaja menjual makanan utama malah ubat-ubatan turut dibekalkan. Kebiasaannya, hanya orang kaya yang akan membeli barangan yang ditawarkan di pasaran gelap. Hal yang demikian kerana mereka mampu untuk menampung harga barangan yang tinggi berbanding dengan penduduk tempatan. Oleh itu, mereka sanggup membeli barangan yang sukar diperoleh di pasaran walaupun harga yang dijual adalah tinggi daripada zaman penjajahan British.

Ubat *Mepacrine* dan *kuinina* yang berfungsi untuk merawat malaria mempunyai jumlah penggunaannya yang tertentu apabila digunakan. Sebagai contohnya, penggunaan *Mepacrine* hanya dibenarkan sebanyak 0.1 gm. *tabs* sahaja pada zaman tersebut (M.G. DIVISION GENERAL GEN/51). Pelbagai langkah diambil oleh Lembaga Bandar untuk mengurangkan penyebaran malaria di Tanah Melayu. Antaranya adalah seperti pembersihan bandar, pengutipan sampah serta *night soil*, pembersihan pasar dan rumah penyembelihan serta penggunaan semburan nyamuk (MAL/4025). Tujuannya adalah untuk memastikan tahap kesihatan penduduk tempatan terjamin dan mengelakkan kadar kematian yang tinggi disebabkan penyakit berjangkit ataupun kebuluran. Kewujudan langkah pencegahan yang sistematik oleh Pejabat Kesihatan dapat membantu mengawal penyebaran malaria di Tanah Melayu ketika itu.

Kerja-kerja penyemburan minyak sebagai langkah anti-malaria turut giat dilakukan. Antara alat yang digunakan adalah seperti minyak getah yang mentah (*crude rubber oil*) sebagai salah satu bahan utama untuk mengelakkan penyebaran malaria (CO 273/669/1). Bukan itu sahaja, *Drainage and Irrigation Department* turut berkerjasama dengan Pejabat Kesihatan untuk mengeringkan kawasan masjid yang terletak di perkampungan yang masih mempunyai paya di sekeliling (CO 273/673/1). Tindakan ini adalah menyelakkan pembiakan nyamuk terutamanya spesies *Anopheles* yang membawa penyakit malaria kepada manusia (CO 273/669/10). Kenyataan *Domei* juga melaporkan bahawa doktor dari Medan telah mendapati “*an effective new cure for Malaria*” (CO 273/669/1). Penemuan ubat ini adalah daripada sebuah tumbuhan yang dinamakan sebagai *cassia mata* yang diperoleh di Sumatera dan Tanah Melayu. Namun, tiada sebarang maklumat lanjut berkaitan penggunaan tumbuhan ini sebagai ubat penawar di Tanah Melayu.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa sejarah lisan adalah metode penting dalam memperkayakan historiografi mengenai pendudukan Jepun di Tanah Melayu yang sebelum ini banyak bergantung kepada dokumen kolonial. Berbeza dengan kajian terdahulu yang lebih menumpukan terhadap

aspek politik, ekonomi dan sosial, penelitian ini lebih cenderung kepada sejarah sosial yang berada di ruang lingkup masyarakat Cina. Artikel ini bermula dengan sejarah pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan kemudian memfokuskan kepada catuan bahan makanan serta penghasilan beras. Impaknya membawa kepada penularan penyakit berjangkit. Lebih penting lagi, segala fakta yang digunakan adalah bersandarkan kepada metode lisan sebagai perolehan sumber yang utama. Oleh yang demikian, memori masyarakat Cina ketika zaman pendudukan Jepun telah menginspirasi penulis untuk menghasilkan satu kajian yang berbeza dengan tumpuan terdahulu. Lebih bermakna lagi apabila wawancara hanya dilaksanakan dalam kalangan saksi proto masyarakat Cina.

Pengakhiran ketika zaman pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu pada 13 September 1945 telah berjaya membebaskan jiwa dan mental penduduk tempatan. Pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu masih belum memberikan kebebasan kepada tanah air. British kembali semula ke tanah jajahan selepas berakhirnya pemerintahan 14 hari Bintang Tiga. Proses penjajahan yang berpanjangan membangkitkan kesedaran masyarakat tempatan untuk menentang British yang memperkenalkan Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu 1948 kemudiannya. Oleh yang demikian, generasi kini haruslah menghayati peristiwa sejarah tersebut sebagai iktibar bagi membina masa depan dan negara yang cemerlang.

#### **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya. Dr. Mohamed Ali Haniffa yang telah memberikan pandangan dalam penulisan makalah ini.

#### **PENDANAAN**

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang pembiayaan dari mana-mana agensi dalam sektor awam atau swasta.

#### **PENGISYTIHARAAN KONFLIK KEPENTINGAN**

Penulis melaporkan bahawa tiada sebarang kepentingan yang perlu diisytiharkan dalam makalah ini.

#### **PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Data-data yang digunakan dalam makalah ini adalah menyokong fakta yang dihuraikan.

#### **RUJUKAN**

- Abdul Majid, M. (2021). Disease bearing insect research in Malaya by Japanese scientists during World War II and its position in international law. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(26), 69–89. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.626007>
- Akashi, Y. (1970). Japanese policy towards the Malayan Chinese, 1941–1945. *Journal of Southeast Asian Studies*, 1(2), 61–89.

- Cheah, B. K. (1983). *Red star over Malaya: Resistance and social conflict during and after the Japanese occupation of Malaya, 1941–1946*. Singapore University Press.
- Chin, K. O. (1946). *Malaya upside down*. Jitts.
- CO 273/581/2 Japanese Interest in Malaya.
- CO 273/673/1 Conditions in enemy-occupied Malaya.
- CO 273/673/2 Conditions in enemy-occupied Malaya.
- CO 273/669/1 War with Japan: Conditions in enemy-occupied Malayan territory.
- CO 273/669/9 Estimates for 1942.
- CO 273/669/10 Association of British Malaya, narrative on civil defence of Malaya.
- CO 537/2176 Malay States. Review of Malaya's war effort.
- CO 825/45, Part 9 Propaganda in Far East: Distribution of Malayan Leaflets.
- Danaraj, T. J. (1990). *Japanese invasion of Malaya & Singapore: Memoirs of a doctor*. T. J. Danaraj.
- Ho, H. L. (2009). Zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1941–1945: Penentangan orang Cina melalui Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA). *Malaysia dari Segi Sejarah*, 37, 109–125.
- INTELLIGENCE 506/10 Report on Malaya Prior to Japanese Occupation.
- INTELLIGENCE 506/30 Appreciation of the Economic Position of Malaya under the Japanese.
- Kratoska, P. H. (1988). The post-1945 food shortage in British Malaya. *Journal of Southeast Asian Studies*, 19(1), 27–47.
- Kratoska, P. H. (1998). *The Japanese occupation of Malaya: A social and economic history*. University of Hawai'i Press.
- Kratoska, P. H. (2015). Selangor and Perak in 1942 (皇紀 2602): Japan's occupation of Malaya begins. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 88(1), 59–78.
- Lee, W. K. (2025). Operasi Sook Ching dan kekejaman tentera Jepun terhadap masyarakat Cina di Johor pada zaman pendudukan Jepun. *MINDEN Journal of History and Archaeology*, 2(2), 53–70.
- M.G. Division General GEN/51 Sitreps. Situation Reports Received from Malay Peninsula Division.
- MAL/4025 Malay Peninsula Division Military Government Municipalities and Town Boards-Supplies.
- Mohamed Ali Haniffa. (2022). *Hubungan Melayu-Cina selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1945–1955): Konflik dan kompromi*. UUM Press.
- Mohamed Ali Haniffa. (2025). Rundingan Baling 1955 dan kesannya ke atas usaha kemerdekaan Tanah Melayu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 52(2), 208–232. <https://doi.org/10.17576/jebat.2025.5202.03>
- Semangat Asia*. Bil 6 Rokugatsu 2603.
- Wan Nurjanatul Za'imah, Wan Mohamad Khairuddin Azaki, & Hussain, N. (2024). Sejarah perkembangan sektor penanaman padi di Perlis, 1930–1950: Perbandingan antara era penjajahan British dengan era pendudukan Jepun. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 12(1), 59–75. <https://doi.org/10.17576/jatma-2024-1201-05>
- Wang, G. (2000). World War II in Asia. In P. P. H. Lim & D. Wong (Eds.), *War and memory in Malaysia and Singapore* (pp. 11–19). Institute of Southeast Asian Studies.
- Wawancara dengan Kam Mooi di Lot 7063, Taman Civil, 35500, Bidor, Perak, 15 Jun 2023. (Kam Mooi dilahirkan pada 11 Januari 1938 yang merupakan salah satu penduduk tempatan yang pernah mengalami *Sook Ching* di kawasan perkampungan beliau. Kezaliman tentera Jepun pernah dialami oleh beliau semasa tentera Jepun ingin menangkap ibu beliau dan ibunya terpaksa menyembunyikan diri daripada tentera Jepun.)

Wawancara dengan Chiew See di Pasar Awam Bidor, 35500, Bidor, Perak, 17 Jun 2023. (Chiew See dilahirkan pada 06 Mei 1934 di Tapah, Perak yang pernah mengalami zaman pendudukan Jepun dan zaman komunis di Tanah Melayu. Ayah beliau berkhidmat dan merupakan tukang masak kepada tentera Jepun semasa zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu khususnya di kawasan Tapah.)

Wawancara dengan Leow Tong Choy dan Khong Fook Yin di L9, Kampung Baru, 35500, Bidor, Perak, 17 Jun 2023.

(Leong Tong Choy dilahirkan pada 06 Januari 1935 di Bidor manakala Khong Fook Yin dilahirkan pada 08 Jun 1937 di Ulu Bernam. Pasangan suami isteri ini pernah mengalami zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu semasa tentera Jepun datang pada tahun 1941. Peristiwa hitam iaitu ditampar oleh tentera Jepun yang pernah dirasai oleh Khong Fook Yin masih diingati sampai masa kini.)

Wawancara dengan Heng Yew Heok di No.21, Persiaran Gemilang 3, Taman Gemilang, 35500, Bidor, Perak, 29 Jun 2023.

(Heng Yew Heok berusia 86 tahun yang merupakan penduduk tempatan di Pulau Pinang dan pernah merasai dan mengalami zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu.)

Yeo, S. N., & Ng, S. A. (2000). The Japanese occupation as reflected in Singapore-Malaysian Chinese literary works after the Japanese occupation (1945–49). In P. P. H. Lim & D. Wong (Eds.), *War and memory in Malaysia and Singapore* (pp. 106–119). Institute of Southeast Asian Studies.

## LAMPIRAN

### Jadual 2

*Planted areas and yield of various States for the year 1930:*

|                                     | Area (Acres) | Tons of rice |
|-------------------------------------|--------------|--------------|
| Perak                               | 99,000       | 41,000       |
| Selangor                            | 21,500       | 6,000        |
| Negri Sembilan                      | 35,000       | 17,000       |
| Pahang                              | 40,000       | 11,000       |
| Total for Federated Malay States    | 196,500      | 75,000       |
| Province Wellesley                  | 33,000       | 21,000       |
| Dindings                            | 600          | 115          |
| Malacca                             | 32,000       | 17,500       |
| Penang                              | 4,200        | 3,600        |
| Total for Straits Settlements       | 69,800       | 42,215       |
| Johore                              | 23,000       | 3,500        |
| Kedah                               | 245,000      | 135,000      |
| Perlis                              | 41,000       | 25,000       |
| Kelantan                            | 149,000      | 33,500       |
| Trengganu                           | 41,000       | 8,000        |
| Total for Unfederated Malay States. | 499,000      | 205,000      |
| Grand Total for the whole of Malaya | 764,300      | 322,215      |

*Sumber: INTELLIGENCE 506/10, Report on Malaya Prior to Japanese Occupation.*

### Jadual 3

*Malayan Rice Production, 1939-40 Season*

|                          | Area (Acres) |      | Production (tons) |      |
|--------------------------|--------------|------|-------------------|------|
| Federated Malay States   |              |      |                   |      |
| Perak                    | 107,910      | 13.7 | 49,275            | 14.9 |
| Selangor                 | 7,420        | 1.0  | 3,365             | 1.0  |
| Ngeri Sembilan           | 29,850       | 3.8  | 12,205            | 3.7  |
| Pahang                   | 41,130       | 5.2  | 12,575            | 3.8  |
| Total                    | 186,310      | 23.7 | 77,420            | 23.4 |
| Straits Settlements      |              |      |                   |      |
| Province Wellesley       | 34,160       | 4.4  | 16,960            | 5.1  |
| Malacca                  | 30,710       | 3.9  | 1,950             | 0.6  |
| Penang                   | 3,290        | 0.4  | 7,800             | 2.4  |
| Singapore                | nil          | -    | Nil               | -    |
| Total                    | 68,160       | 8.7  | 26,710            | 8.1  |
| Unfederated Malay States |              |      |                   |      |
| Johore                   | 14,690       | 1.9  | 3,400             | 1.0  |
| Kedah                    | 264,820      | 33.7 | 133,270           | 40.2 |
| Perlis                   | 41,080       | 5.2  | 18,670            | 5.6  |
| Kelantan                 | 163,940      | 20.9 | 61,215            | 18.5 |
| Trengganu                | 46,450       | 5.9  | 10,630            | 3.2  |
| Total                    | 530,980      | 67.6 | 227,185           | 68.6 |
| Grand Total              | 785,450      |      | 331,315           |      |

*Sumber: Kratoska, P.H. (1998). The Japanese occupation of Malaya: A Social and economic history. University of Hawaii Press.*

**Jadual 4**

*Complete Figures for 1943:*

|                    | Acreage | Rice Production                                    |
|--------------------|---------|----------------------------------------------------|
| Province Wellesley | 33,470  | 20,632 tons                                        |
| Dindings           | 580     | 114                                                |
| Malacca            | 32,260  | 17,653                                             |
| Penang             | 4,240   | 3,634                                              |
| Johore             | 23,820  | 3,486                                              |
| Kedah              | 243,780 | 134,314                                            |
| Perlis             | 41,590  | Self-sufficient<br>24,668<br>Slight export surplus |
| Kelantan           | 148,500 | 33,425                                             |
| Trengganu          | 41,329  | 7,764                                              |
| Perak              | 99,230  | 41,262                                             |
| Selangor           | 21,410  | 5,978                                              |
| Negeri Sembilan    | 35,030  | 16,649                                             |
| Pahang             | 40,020  | 11,116                                             |
| TOTAL MALAYA:-     | 765,250 | 320,695                                            |

*Sumber: CO 273/673/1, Conditions in enemy-occupied Malaya.*